



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP19 : GARIS PANDUAN MENGENAI KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memperjelaskan lagi peruntukan yang terdapat dalam Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 dan mengawalselia koperasi mengenai pelaksanaan Kumpulan Wang Likuiditi Pusat.

LATAR BELAKANG

2. Masalah likuiditi yang serius adalah salah satu kelemahan utama yang dikenalpasti oleh Suruhanjaya. Kekangan ini menyebabkan potensi koperasi untuk menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

3. Semasa “fiasco” koperasi pengambilan deposit dalam pertengahan 1980an, Kerajaan terpaksa menyediakan pinjaman mudah (soft loan) yang besar untuk menstabilkan keadaan. Dalam tahun 1998, Kerajaan sekali lagi terpaksa menyediakan

pinjaman mudah yang signifikan kepada **sepuluh** koperasi yang mengalami masalah likuiditi serta memberi sejumlah bantuan geran untuk menyelesaikan enam koperasi yang tidak solven. Sehubungan itu, kos menyelamatkan sesebuah koperasi yang bermasalah adalah tinggi dan dijangka akan meningkat jika krisis sedemikian berulang lagi.

4. Untuk tidak membebankan Kerajaan seperti yang berlaku dalam tahun 1980an dan 1998 di mana Kerajaan terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk menangani masalah yang melibatkan koperasi, sektor koperasi perlu diperkasakan dengan memastikan kedudukan kewangan dan sistem operasi kukuh dan selamat. Dengan adanya satu dana likuiditi, sektor koperasi boleh berdikari dan tidak perlu terlalu bergantung kepada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah likuiditi yang mungkin dihadapi.

5. Satu kaedah telah dirumus bagi membolehkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) menyediakan kemudahan likuiditi kepada koperasi-koperasi yang layak. Di bawah kaedah ini, koperasi-koperasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya akan diwajibkan mencarum ke dalam satu kumpulan wang dikenali sebagai Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP). Koperasi-koperasi yang mengalami masalah likuiditi pula boleh mendapatkan pinjaman berjangka pendek daripada KWLP ini berasaskan kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

6. Peruntukan subseksyen 42(1) dan (2) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta SKM) dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 membolehkan Suruhanjaya menghendaki mana-mana koperasi, kelas, kategori atau perihal koperasi melalui perintah bertulis untuk mencarum kepada KWLP sejumlah wang caruman yang terdiri daripada peratusan modal syer, modal

langganan, aset atau tanggungannya atau gabungannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

TUJUAN KWLP

7. KWLP diwujudkan dengan objektif untuk memperkukuhkan kestabilan kewangan dalam sektor koperasi. KWLP hendaklah digunakan untuk:

- (a) memberi pembiayaan kepada koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi dalam keadaan yang berikut:
 - (i) keperluan sementara untuk mengurangkan aliran keluar kumpulan wang, sementara menunggu pelarasan semula aset dan tanggungan koperasi itu; atau
 - (ii) dalam keadaan luar biasa, di luar kawalan koperasi yang boleh memberi impak yang tidak menguntungkan terhadap aktiviti dan pengendalian operasi koperasi itu; dan
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang berkenaan dengan pentadbiran KWLP.

BAHAGIAN B : SUMBER DAN KEGUNAAN KWLP

SUMBER DANA

8. Sumber dana KWLP hendaklah daripada –
- (a) caruman yang disumbang oleh koperasi;
 - (b) wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya menurut seksyen 37 Akta SKM dengan mana-mana wang yang diperoleh daripada caruman yang dibuat oleh koperasi; dan
 - (c) wang yang dipinjam atau dijana oleh Suruhanjaya dengan mengeluarkan bon, debentur, stok debentur atau mana-mana sekuriti lain mengikut seksyen 35 Akta SKM.

Koperasi Yang Mencarum

9. Koperasi ditetapkan, iaitu mana-mana koperasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah secara bertulis, adalah dikehendaki mencarum kepada KWLP.
10. Sekiranya koperasi gagal membayar caruman sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 42(2) Akta SKM¹, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan terhadap koperasi menurut subseksyen 55(1) Akta SKM².

¹ Subseksyen 42(2) Akta SKM: "Mana-mana koperasi yang dikehendaki oleh Suruhanjaya untuk mencarum dalam KWLP di bawah subseksyen 42(1) Akta hendaklah membayar kepada Suruhajaya atau kepada ejennya sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu sejumlah wang caruman atau apa-apa kadar caruman sebagai

11. Koperasi tidak ditetapkan iaitu koperasi-koperasi selain daripada dinyatakan di para 9, boleh memohon untuk menjadi pencarum sukarela KWLP dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa peruntukan di bawah garis panduan ini. Borang permohonan adalah seperti di **Lampiran 1**.

Caruman Koperasi

12. Koperasi ditetapkan hendaklah mencarum suatu jumlah caruman kepada KWLP pada kadar yang ditetapkan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 42(2) Akta SKM.

13. Jumlah caruman yang dibayar oleh koperasi ditetapkan kepada KWLP hendaklah –

(a) dikira pada kadar yang tidak melebihi **tiga peratus** daripada tanggungan layak koperasi ditetapkan itu; atau

(b) RM200 juta

mengikut mana-mana yang rendah.

14. Koperasi tidak ditetapkan yang telah diluluskan permohonan oleh Suruhanjaya sebagai pencarum sukarela KWLP hendaklah mencarum tidak kurang daripada apa-apa jumlah yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

suatu peratusan modal syer, modal langganan, aset atau tanggungannya atau gabungannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhajaya dari semasa ke semasa dari tarikh yang ditentukan dalam perintah itu”

² Subseksyen 55(1) Akta SKM: “Mana-mana koperasi yang tidak mematuhi kehendak di bawah subseksyen 42(2) dan 43(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan sebagai tambahan, didenda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.”

15. Walau bagaimanapun, koperasi hendaklah memastikan jumlah carumannya dalam KWLP tidak kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Tanggungjawab Layak

16. Komponen tanggungjawab layak bagi tujuan pengiraan jumlah caruman koperasi ditetapkan hendaklah terdiri daripada –

- (a) modal syer;
- (b) modal langganan (yuran); dan
- (c) tanggungjawabnya dalam bentuk deposit.

17. Jumlah tanggungjawab layak hendaklah berdasarkan kepada akaun teraudit terakhir koperasi bagi tahun sebaik sebelum tahun di mana caruman akan dibuat kepada KWLP.

18. Tempoh untuk koperasi membuat bayaran caruman hendaklah berdasarkan kepada asas-asas berikut:


- (a) subseksyen 39(1) Akta Koperasi 1993 (Akta Koperasi) memperuntukkan Mesyuarat Agung Tahunan diadakan tidak lewat daripada **enam bulan** selepas berakhirnya setiap tahun kewangan. Subseksyen 59(2) Akta Koperasi memperuntukkan akaun teraudit hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya tidak kurang daripada **tiga puluh hari** sebelum MAT.
- (b) subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 memperuntukkan koperasi

ditetapkan hendaklah membayar carumannya kepada KWLP dalam tempoh **dua bulan** dari tarikh notis pembayaran caruman dikeluarkan kepada koperasi ditetapkan itu oleh Suruhanjaya.

- (c) subperaturan 7(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 memperuntukkan jika koperasi tidak ditetapkan berhasrat untuk mencarum kepada KWLP itu, koperasi itu hendaklah membayar jumlah caruman itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

19. Ilustrasi aliran masa pembayaran caruman bagi koperasi yang tahun kewangan berakhir 31 Disember adalah seperti berikut:

Keperluan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) mengikut Akta Koperasi 1993



20. Bagi tahun kewangan selain daripada 31 Disember, tarikh terakhir pembayaran caruman adalah seperti berikut:

Bagi tahun kewangan berakhir ...	Caruman dibayar selewat-lewatnya ...
31 Mac	15 November
30 Jun	15 Februari
30 September	15 Mei

Pengiraan Caruman

21. Ilustrasi pengiraan caruman adalah seperti di **Lampiran 2**.

Pembayaran Caruman Kepada KWLP

22. Pembayaran caruman hendaklah seperti berikut:

(a) **bagi koperasi ditetapkan –**

- (i) hendaklah membayar caruman kepada KWLP dalam tempoh **dua bulan** dari tarikh notis pembayaran caruman dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (ii) pembayaran caruman bagi tahun-tahun berikutnya adalah berdasarkan kepada notis **dua bulan** Suruhanjaya, hasil daripada semakan yang dibuat terhadap akaun teraudit koperasi.

(b) bagi koperasi tidak ditetapkan –

- (i) hendaklah terlebih dahulu memperoleh kelulusan Suruhanjaya dan membayar jumlah caruman itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam surat kelulusannya;
- (ii) pembayaran caruman bagi tahun-tahun berikutnya adalah berdasarkan tempoh masa yang dinyatakan dalam surat kelulusan Suruhanjaya.

23. Pembayaran caruman hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya di bawah nama akaun “Kumpulan Wang Likuiditi Pusat” melalui mana-mana cara berikut:

- (a) perintah juruwang (*cashiers order*);
- (b) arahan bank (melalui kaunter, faks dan lain-lain);
- (c) cek;
- (d) cek jurubank; atau
- (e) perbankan internet.

24. Resit akan dikeluarkan bagi setiap pembayaran caruman yang dibuat.

Semakan Caruman

25. Jumlah caruman akan disemak pada setiap tahun berdasarkan akaun teraudit terakhir koperasi.

26. Suruhanjaya akan menyemak mengenai kecukupan simpanan KWLP sesebuah koperasi berdasarkan kepada akaun teraudit yang dikemukakan.

Kekurangan

27. Suruhanjaya akan mengeluarkan notis bertulis kepada koperasi jika terdapat kekurangan dalam jumlah caruman yang dibayar.

28. Koperasi hendaklah membayar kekurangan caruman itu dalam tempoh **dua bulan** dari tarikh notis kekurangan itu dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Cara pembayaran kekurangan hendaklah dilaksanakan melalui kaedah seperti di para 23.

Lebihan

29. Suruhanjaya akan mengeluarkan notis bertulis kepada koperasi jika terdapat lebihan dalam jumlah caruman yang dibayar.

30. Koperasi boleh memohon melalui borang permohonan di **Lampiran 3** untuk mengeluarkan lebihan jumlah caruman itu **tujuh hari** selepas menerima notis lebihan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan pengeluaran lebihan tersebut boleh dibuat sehingga tahun kewangan yang berikutnya.

Pengeluaran Caruman

31. Koperasi tidak ditetapkan yang telah membayar suatu jumlah caruman kepada KWLP, boleh mengeluarkan caruman itu dengan mengemukakan satu permohonan bertulis kepada Suruhanjaya. Suruhanjaya akan membenarkan pengeluaran itu dengan syarat-syarat berikut –

- (a) koperasi itu tidak diberikan pinjaman KWLP oleh Suruhanjaya; dan

(b) selepas **satu tahun** caruman itu dibuat kepada KWLP.

32. Koperasi ditetapkan boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk mengeluarkan lebihan jumlah caruman seperti dinyatakan di para 29 dan 30 dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis. Pengeluaran lebihan jumlah caruman ini hanya boleh dilaksanakan selepas setahun caruman itu dibuat.

Pulangan

33. Kadar pulangan akan ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa berdasarkan kepada prestasi pelaburan dan operasi wang KWLP.

34. Bayaran pulangan akan dilaksanakan **satu tahun** sekali.

KEGUNAAN DANA

Pembiayaan

35. Koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi dalam keadaan seperti dinyatakan di para 7(b) boleh membuat permohonan bertulis melalui borang permohonan di **Lampiran 4** kepada Suruhajaya bagi suatu pembiayaan.

36. Koperasi yang tidak mencarum kepada KWLP boleh juga memohon untuk suatu pembiayaan dengan dikenakan suatu fi pemprosesan yang tidak kurang daripada RM250.00 dan tidak lebih daripada RM500.00.

37. Permohonan hendaklah mempunyai justifikasi kukuh bahawa koperasi sedang mengalami masalah likuiditi.

38. Jumlah minimum pembiayaan yang boleh diberi ialah RM500,000.00. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut boleh disemak oleh Suruhanjaya sekiranya perlu.

39. Kadar keuntungan akan ditentukan oleh Suruhanjaya.

40. Koperasi yang memohon suatu pembiayaan hendaklah memberi Suruhanjaya apa-apa cagaran seperti berikut:

- (a) jumlah caruman yang telah dibuat;
- (b) jaminan pembayaran daripada Biro Perkhidmatan ANGKASA atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;
- (c) simpanan tetap;
- (d) pulangan daripada aset tetap (contoh: bayaran sewa);
- (e) jaminan bank;
- (f) penyerahhakan bayaran yang akan diterima (*assignment of receivables*);
atau
- (g) mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia atau apa-apa sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

41. Permohonan pembiayaan yang lengkap diterima akan diproses dan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh masa **lima hari** bekerja.

Tempoh Pembiayaan

42. Suatu koperasi yang telah diberi pembiayaan bagi tujuan seperti dinyatakan di para 7(b) hendaklah membayar balik pembiayaan itu dalam tempoh masa seperti berikut:

- (a) **90 hari** untuk keperluan dana sementara; atau
- (b) **365 hari** untuk keperluan dana bagi keadaan yang luar biasa.

Pemberian Pembiayaan Daripada KWLP

43. Suruhanjaya akan mengeluarkan pembiayaan kepada koperasi melalui cek yang disokong dengan baucar yang diperakui atau apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan

44. Bayaran balik pembiayaan di atas nama akaun “Kumpulan Wang Likuiditi Pusat” boleh dibuat melalui cara-cara berikut:

- (a) perintah juruwang (cashiers order);
- (b) arahan bank (cth. melalui kaunter, faks, dll);
- (c) cek;
- (d) cek jurubank; atau
- (e) perbankan internet.

45. Koperasi dikehendaki mematuhi jadual bayaran balik yang telah ditetapkan memandangkan pembiayaan sedemikian adalah bersifat jangka pendek dan bagi membolehkan peminjam lain memperoleh manfaat daripada kemudahan KWLP.

Lanjutan Tempoh Pembiayaan

46. Koperasi boleh memohon untuk mendapatkan lanjutan tempoh pembiayaan daripada Suruhanjaya untuk memenuhi keperluan likuiditinya, tertakluk kepada tempoh masa **satu tahun** yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010. Walau bagaimanapun, ia hendaklah disokong oleh justifikasi kukuh untuk mendapatkan pertimbangan yang sewajarnya. Suruhanjaya boleh melulus atau menolak apa-apa permohonan dalam masa **lima hari** bekerja dari tarikh penerimaan permohonan tersebut.

47. Suruhanjaya tidak akan mempertimbangkan mana-mana permohonan yang bertujuan untuk memperluaskan portfolio kredit koperasi.

48. Suruhanjaya boleh memberi pembiayaan kepada koperasi menurut terma dan syarat yang dinyatakan oleh Suruhanjaya setelah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kebolehpayaan kredit (*creditworthiness*) koperasi.

PELABURAN

49. Suruhanjaya boleh melaburkan wang KWLP dengan apa-apa cara tertakluk kepada dasar pelaburan Suruhanjaya yang diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi dan Menteri Kewangan.

Penyenggaraan Akaun KWLP

50. Transaksi caruman dan/atau pembiayaan setiap koperasi terlibat akan direkod dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya.

51. Suruhanjaya akan mengeluarkan penyata transaksi caruman dan/atau pembiayaan koperasi pada setiap tahun berdasarkan tahun kewangan koperasi berkenaan.

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS KOPERASI

Lembaga Koperasi

52. Lembaga hendaklah bertanggungjawab memastikan –

- (a) anggota dimaklumkan bahawa koperasi telah dikenalpasti oleh Suruhanjaya untuk mencarum kepada KWLP;
- (b) suatu jumlah caruman disediakan apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya;
- (c) caruman dibuat mengikut jadual yang telah ditentukan;
- (d) akaun tahunan diaudit mengikut jadual bagi memudahkan pengiraan Tanggungan Layak;

- (e) kertas kerja yang disokong dengan justifikasi, sekiranya koperasi perlu memohon untuk meminjam daripada KWLP, telah mendapat kelulusan pihak tertentu;
- (f) bayaran balik pembiayaan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (g) penyata tahunan akaun KWLP koperasi diterima daripada Suruhanjaya;
- (h) penyenggaraan rekod KWLP koperasi adalah teratur dan betul;
- (i) wujudnya kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berkesan; dan
- (j) pematuhan terhadap kehendak perundangan, perintah dan peraturan yang berkaitan.

Pelaporan

53. Menurut subseksyen 85A(1) Akta Koperasi, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

54. Koperasi boleh memperoleh maklumat mengenai KWLP seperti berikut:

- (a) penyata akaun caruman koperasi bagi setiap tahun kewangan dan penyata pembiayaan koperasi; dan
- (b) laporan prestasi KWLP untuk setiap tahun kewangan

melalui saluran penyampaian (*distribution channel*) yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

AM

55. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.


PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

56. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

57. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 November 2011**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 24 Oktober 2011